

12/06/2004

Kayu bergergaji bukan sumbangan peribadi: Dr M

By Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pemberian kayu bergergaji kepada Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe bukan sumbangan peribadinya yang dilakukan menggunakan wang kerajaan.

Dr Mahathir yang mengulangi penjelasan bahawa kayu bergergaji itu hanya hadiah seperti amalan pemimpin negara lain, sedia didakwa jika terbukti beliau bersalah menyalahgunakan kuasa ketika menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, kayu bergergaji itu dihadiahkan mengikut amalan pemimpin kerajaan di mana bagi kes itu, ia dianggap hadiah daripada Perdana Menteri Malaysia kepada Presiden Zimbabwe.

"Ia bukan diberi secara peribadi oleh saya menggunakan wang kerajaan kepada rakan saya, Mugabe.

"Ia diberi oleh Perdana Menteri Malaysia (jawatan Dr Mahathir ketika itu) kepada Presiden Zimbabwe lama dulu, sebelum ada masalah marah kepada Mugabe," katanya pada sidang akhbar di pejabat Yayasan Kepemimpinan Perdana di sini, petang semalam.

Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar bagi menjelaskan sekali lagi isu pemberian kayu bergergaji kepada Mugabe, selepas ia dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang baru-baru ini.

Pada satu temu bual dengan televisyen Britain Sky News baru-baru ini, Mugabe dilaporkan berkata sebahagian daripada pembiayaan membina istananya diperoleh dari Kerajaan Malaysia dan China.

Dr Mahathir berkata, kayu yang dihantar bukan kayu balak, sebaliknya kayu bergergaji yang bukan besar nilainya.

"Saya tidak fikir yang dihantar adalah balak tapi kayu bergergaji dan kita tidak soallah Presiden (Mugabe) apa gunanya.

"Kalau dia nak buat istana dia, itu dia punya masalah. Pada fikiran kita, kita bagi pada Presiden dan kita bukan saja bagi pada Presiden Zimbabwe tapi kepada presiden dan perdana menteri lain juga," katanya.

Dr Mahathir berkata, Perdana Menteri berhak memberi hadiah kepada ketua kerajaan dan rakan sejawatannya.

"Jadi kita bagilah...kadang-kadang berkali-kali. Kita bagi bukan kata sekali saja, saya pergi manapun bawa buah tangan...orang datang sini pun bawa" katanya.

Dr Mahathir berkata, hadiah yang diterima disimpan di merata tempat termasuk di Yayasan Kepemimpinan Perdana, di sini dan Langkawi, malah masih ada lagi hadiah tersimpan di kediamannya sekarang.

Ditanya berapakah nilai kayu bergergaji yang dihadiahkan kepada Kerajaan Zimbabwe, beliau berkata:

"Tak banyak. Saya tak fikir RM100,000 pun tak ada. Bukan kita bagi nak suruh buat rumah dia (Mugabe), cuma jalur kayu di dinding saja," katanya yang tidak kecewa dengan dakwaan yang mengaitkan namanya dalam kes itu, tetapi mahu laporan tepat mengenainya dibuat.

Dr Mahathir berkata, beliau sedia didakwa atas kesalahan menyalahguna kuasa jika terbukti dirinya bersalah.

"Seorang wartawan bertanya apakah saya menyalah guna kuasa. Jika berfikiran begitu...saya tidak menganggap diri saya kebal daripada undang-undang negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tahu dirinya disindir pada persidangan Dewan Rakyat sehingga ada yang mendakwa beliau menyalahgunakan kuasa.

"Jadi saya tak nak orang lain bertanggungjawab terhadap apa yang saya lakukan. Sebab itu, saya fikir eloklah saya bagi penjelasan sedikit,"

katanya menerangkan tujuan sidang akhbar itu diadakan.

Beliau berkata, laporan yang memperlihatkan kononnya Malaysia membiayai sebahagian besar kos membina istana Mugabe adalah propaganda Britain.

"Ini propaganda British. Sky News benci kepada Mugabe pasal Mugabe ambil tanah orang kulit putih," katanya.

Sementara itu, mengulas isu negara Islam dan pelantikan ketua kerajaan daripada kalangan umat Islam seperti yang dibangkitkan Kita Siang di Parlimen, Dr Mahathir berkata, Kit Siang perlu memberi takrifan negara Islam mengikut pandangan dirinya.

"Kalau dia boleh katakan ini bukan negara Islam, sedangkan banyak negara lain yang kurang Islam daripada kita pun dianggap negara Islam juga.

"Saya tak nampak di mana salah mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada negara yang meletakkan syarat presiden mereka mesti menganut agama tertentu.

"Ini perkara biasa. Di negara-negara lain ada syarat seperti itu. Di Malaysia ini, walaupun tidak ada syarat tapi kita memang...oleh kerana majoriti rakyat beragama Islam, maka ada jawatan tinggi yang dipegang orang Islam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pemberian kayu itu bukan sesuatu yang dilakukan secara haram.

Katanya, mungkin pada ketika itu wujud pertimbangan penting untuk berbuat demikian tetapi ia bukan sesuatu yang salah dari segi undang-undang dan tidak harus dijadikan isu.

(END)